

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	29 July 2015

# HAK PREROGATIF PERDANA MENTERI

**P**EMBENTUKAN Kabinet Perdana Menteri-Perdana Menteri terdahulu termasuklah Kabinet Datuk Seri Najib Tun Razak pada April 2009 dan barisan Kabinet baru yang diumumkan beliau selama mengikut aliran yang sama.

La boleh dijadikan peringatan bahawa tiada peraturan tertentu bagi menentukan siapa yang layak dan tidak layak menganggotai Kabinet kerana yang pentingnya perlu memenuhi syarat-syarat perlembagaan yang asas.

Apabila ada menteri yang digugurkan dari Kabinet, pastinya diganti dengan lain. Ini bukanlah suatu tindakan berhubung perubahan kerana para menteri sentiasa silih berganti walaupun pentadbiran berdasarkan pilihan peribadi Perdana Menteri.

Ada menteri yang berkhidmat untuk beberapa penggal dan ada yang hanya berkhidmat sebahagian dari tempoh perkhidmatan mereka.

Dan bilangan menteri di dalam Kabinet bukanlah satu perkara yang ditetapkan. Kabinet pertama Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj pada 1959 mengandungi 12 ahli sahaja. Tun Abdul Razak Hussein dan Tun Hussein Onn mempunyai anggota Kabinet di antara 20 hingga 24 orang manakala Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mempunyai 28 ahli Kabinet sebelum beliau bersara pada Oktober 2003.

Apabila Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi membentuk kerajaan pada 27 Mac 2004, beliau mempunyai 33 anggota Kabinet. Seperti dilihat semua Perdana Menteri mempunyai bilangan anggota Kabinet yang berbeza dalam tempoh pentadbiran mereka.

Tiada penjelasan yang jelas mengapa Kabinet seseorang Perdana Menteri mempunyai anggota yang banyak, terdiri daripada menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri dan suatu ketika setiausaha-setiausaha Parlimen. Ini kerana ia hak keistimewaan subjektif dan pilihan bagi seorang ketua eksekutif.

Tiada siapa yang akan mempersoalkan jika beliau hendak membentuk Kementerian baru atau memberi tugas sebagai Menteri II di Kementerian Pendidikan. Demikian juga Kementerian Kewangan mendapat Menteri II semasa kepimpinan Dr. Mahathir dan Abdullah. Kebiasaannya, Perdana Menteri melantik menteri-menteri mengikut keperluan beliau. Kriteria pemilihan ini termasuklah populariti politik selain bakat dan tuah seseorang.

Di sebalik itu, pentadbiran menteri boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Yang di-Pertuan Agong tetapi tertakluk atas nasihat Per-



**Di Malaysia, jawatan Timbalan Perdana Menteri sama seperti Ketua Setiausaha Negara dalam Perkhidmatan Awam Malaysia merupakan suatu jawatan 'ciptaan' pentadbiran kerana tidak diperuntukkan dalam Perlembagaan. Walau bagaimanapun, pengalaman dan amalan di Malaysia selama 58 tahun ini, Timbalan Perdana Menteri tetap dikurniakan dengan fungsi dan peranan tertentu sebagai timbalan kepada Perdana Menteri.**

dana Menteri. Apabila Yang di-Pertuan Agong ingin membatalkan pentadbiran seseorang menteri atau mana-mana anggota pentadbiran, 'nasihat' Perdana Menteri diperlukan terlebih dahulu.

Tetapi jika Perdana Menteri ingin menamatkan perkhidmatan seseorang menteri, beliau hanya perlu memaklumkan Yang di-Pertuan Agong dari sudut perlembagaan itu sudah memadai. Fasal 5 dalam Artikel 43 Perlembagaan dengan jelas menyatakan bahawa setiap menteri memegang jawatan atas perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Perkara ini memerlukan analisis yang mungkin bercanggah dengan pemikiran konvensional. Mengikut perlembagaan, menteri berkhidmat atas perintah di-Raja, maka baginda berhak menamatkan perkhidmatan menteri pada bila-bila masa walaupun tanpa nasihat Perdana Menteri.

Tetapi kerana Artikel 40 seterusnya menyatakan bahawa semua perkara yang rasmi yang dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong mestilah atas nasihat Perdana Menteri atau salah seorang anggota Kabinet, maka ia memberi pengertian yang sama, iaitu

## ROMBAKAN KABINET?

**S**PEKULASI rombakan Kabinet kembali diperkatakan, kali ini lebih kuat arusnya selepas Hari Raya Aidilfitri. Pelbagai versi berlegar dan beberapa menteri dan tokoh ditantikan. Antara yang menarik perhatian Awang ialah Pengurus Keluaran, Pengkang, Barisan Nasional (BNBC), Shahrir Samad. Beliau disebut-sebut bakal dilantik menduduki semula Kabinet ke portfolio kanan.

Shahrir adalah tokoh yang berpengaruh, bergaji ramai dan berpengalaman luas yang telah membantu Kabinet terutama dalam menghadapi situasi politik yang mencabar belakangan ini.

Shahrir mungkin tidak selesa nama beliau menjadi mainan spekulasi yang belum pasti kesudahannya tetapi itulah realiti dunia politik, yang terdedah kepada apa sahaja. Tidak terlepas menjadi perhatian Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Shafie Apandi yang dijangka bertukar portfolio. Menteri Pesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Rahman Dahlan pula disebut-sebut dilantik Menteri Komunikasi dan Multimedia menggantikan Shabery Cheek akan menterajui Kementerian lain. Dua lagi menteri dijangka digugurkan, salah seorang akan ditawarkan sebagai pengganti sebuah parti berikutan kerajuan (M.L.C.) Jawatan Menteri Sumber Hijau dan Alam Sekitar, G. Palanivel kemungkinan dikosongkan buat sementara sehingga pemilihan semula MIC September depan. Jika itu terjadi, seorang menteri lain akan memangku jawatan tersebut.

Rombakan kali ini juga dijangka menyaksikan

timbalan menteri. Awang difahamkan, perubahan akan turut berlaku bagi jawatan tertentu di ibu pejabat UMNO.

Di negara jiran Indonesia, Presidennya, Joko Widodo (Jokowi) juga bertekad mahu merombakan Kabinetnya walaupun masih agak baharu. Jokowi secara terbuka mahu orang yang setia kepadanya dan beribawa di kaca mata rakyat, yang beliau akui semuanya yang sedar dicarinya. Bar sesuatu mana sekalipun, akhirnya Presiden mahupun Perdana Menteri akan membuat penentuan.



Najib kerap dikritik sebelum ini kerana terlalu menjaga hati orang dan berhati-hati dalam membicarakan rombakan Kabinet terutama ke atas menteri yang lesu dan tidak prosaktif. Tetapi itulah pendekatan beliau yang suka memberi peluang menambah baik diri kepada semua anggota Kabinetnya. Kali ini, semua politik berubah, Najib tidak boleh ambil mudah. Maka beliau perlukan pasukan baharu yang bukan sahaja dinamik malah komited menyokongnya dalam saat-saat yang sukar dan ketika berdepan krisis.

Ja juga mesej jelas kepada semua bahawa beliau mahu bangkit daripada dugaan politik yang dihadapi terutama berkaitan isu JMB. Malah kemungkinan Najib membuat perubahan drastik tidak boleh ditolak. Mana tahu ada kejutan lebih besar, kita tunggu.

## KERATAN Analisis Mingguan oleh Awang Selamat bertarikh 12 Julai lalu yang menyentuh mengenai rombakan Kabinet.

pentadbirannya boleh ditamatkan pada bila-bila masa oleh Perdana Menteri.

Apabila dilihat dari peruntukan yang amat jelas ini, amat menghairankan bagaimana pada 1998, penguam kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim mencabar pemecatan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri oleh Dr. Mahathir Mohamad. Mungkin ia dilakukan semata-mata atas dasar politik. Peraturan keadaan asas bagaimanapun tidak boleh digunakan ke atas tempoh perkhidmatan menteri atau mana-mana anggota pentadbiran.

Mengikut rekod pentadbiran negara ini, parti-parti komponen utama dalam BN tetap diberi peluang untuk berkhidmat sebagai menteri dan timbalan menteri. Buat masa ini selagi UMNO berdiri kukuh dan disokong sebahagian besar bangsa Melayu, pemimpinnya iaitu presiden akan mudah dipertimbangkan oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai "menguasai...dalam pandangan baginda akan mendapat kepercayaan majoriti Dewan..."

Apa pun, satu ciri yang penting diamalkan dalam kerajaan moden seluruh dunia adalah pemilihan para menteri termasuk Timbalan Perdana Menteri menjadi hak eksklusif Perdana Menteri.

Di Malaysia, jawatan Timbalan Perdana Menteri sama seperti Ketua Setiausaha Negara dalam Perkhidmatan Awam Malaysia adalah suatu jawatan 'ciptaan' pentadbiran

kerana tidak diperuntukkan dalam Perlembagaan.

Walaupun bagaimanapun, pengalaman dan amalan di Malaysia selama 58 tahun ini, Timbalan Perdana Menteri tetap dikurniakan dengan fungsi dan peranan tertentu sebagai timbalan kepada Perdana Menteri.

Proses terperinci yang penulis sebutkan tadi adalah atas andaian selagi sesebuah parti seperti UMNO mampu terus mengekalkan keunggulan dari segi bilangan kerusi di Dewan Rakyat serta selagi kesediaan parti-parti komponen BN untuk terus mengambil Presiden UMNO sebagai ketua dalam BN. Ini kerana dalam Perlembagaan sendiri tidak menyebut seorang yang menyanggah jawatan Perdana Menteri itu mesti berketurunan Melayu.

Apabila status quo ini berubah, mungkin berpunca daripada persoalan kepemimpinan atau perspektif kesaksamaan dalam senario bangsa Malaysia, ia akan menjadi satu isu perlembagaan.

Setakat ini UMNO masih boleh berbangga dengan kekuatan politiknya. Politik perkauman di negara ini mungkin akan melalui proses perubahan seperti mana yang didorong oleh pengaruh global.

Ketuanan UMNO tidak boleh kekal selama-lamanya. Walaupun sekarang yang mana UMNO telah kehilangan sedikit kekuasaan politiknya, sudah kedengaran suar-suaranya yang cuba mempersoalkan beberapa isu mengenai kepemimpinan.